



PASUKAN penyelamat dibantu orang ramai menyelamatkan penduduk yang terperangkap akibat banjir di Dusun Tua, Hulu Langat, malam tadi.

Remaja tertimbus tebing runtuh ketika hujan lebat maut

KUALA LUMPUR: Seorang remaja meninggal dunia selepas terperangkap dalam runtuhan tanah selepas tebing setinggi lebih lima meter belakang rumahnya runtuh ketika hujan lebat di ibu negara, malam tadi.

Ketika kejadian jam 9.20 malam di kuarters polis Jalan Belfields di

sini, Raja Mohd Irfan Raja Azlan, 13, sedang berada di belakang rumahnya sebelum tiba-tiba tebing yang jaraknya beberapa meter dari dapur rumah runtuh lalu menimpa mangsa.

Mangsa yang cedera di muka dan sesak nafas diselamatkan beberapa jiran sebaik mendengar jeritan

ibunya, bagaimanapun dia disahkan meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur (HKL) kira-kira jam 11.50 malam.

Sementara itu, beribu-ribu kenderaan terkandas di ibu kota manakala beratus-ratus rumah ditenggelami banjir di Ampang dan Hulu Langat berikutan hujan lebat

lebih empat jam sejak lewat petang semalam.

Beberapa laporan berhubung kejadian pokok tumbang dan kemalangan kecil turut dilaporkan kepada polis dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



ANTARA sebuah rumah yang ditenggelami air akibat banjir di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang akibat hujan lebat, semalam.

● FARIZUL HAFIZ AWANG | BERITA HARIAN

15 pelajar terperangkap sejam di Hulu Langat

» DARI MUKA 1

Di Hulu Langat termasuk Dusun Tua, Sungai Serai, Batu 14, Kampung Padang, Rantau Panjang dan Batu 18 dinaiki air beberapa meter menyebabkan berpuluh rumah dan premis perniagaan tenggelam.

Beberapa lokasi di Ampang termasuk Lembah Jaya dan Bukit Belacan, air dilaporkan turut naik ke paras pingang selain banjir kilat berlaku di pekan Ampang, Kampung Melayu Ampang dan Lebuh-raya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) berhampiran Pandan Indah.

Lima belas pelajar terperangkap hampir sejam di dalam sebuah bas sekolah di Batu 18, sebelum diselamatkan oleh anggota bomba dan penyelamat kira-kira jam 7.30 malam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dusun Tua, Ismail Sani, berkata setakat jam 10 malam tadi beberapa kampung di Hulu Langat terutama di sepanjang Sungai Langat dinaiki air dengan ada rumah dilaporkan tenggelam selain banyak jalan terputus hubungan.

Di ibu kota, antara laluan terjejas ialah Jalan Tun Razak berhampiran Perpustakaan Negara akibat limpahan Sungai Bonus, Jalan Pudu, Jalan Istana, Jalan Syed Putra dan Jalan Ampang.

Ketua Trafik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Rusli Mohd Noor, berkata beberapa lokasi di pusat bandaraya turut ditenggelami banjir dengan Jalan Sultan Ismail terpaksa ditutup, selain Lebuhraya Persekutuan, Jalan Raja Chulan, Jalan Naga Sari dan. Jalan Datuk Onn.



PENDUDUK menyelamatkan barangan yang berharga dalam kejadian banjir kilat di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang, semalam.